

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
[BAGAN DATUK]**

SOALAN

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah baru yang diambil bagi mengatasi kes kanak-kanak ataupun remaja hilang yang semakin meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Dalam usaha mengatasi kes kanak-kanak hilang, kempen-kempen kesedaran kepada masyarakat tentang keselamatan kanak-kanak di sekolah-sekolah, Institusi Pengajian Tinggi, Badan Kerajaan dan NGO telah dan akan dibuat di dalam program-program yang melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Tindakan ini bertujuan untuk memastikan agar masyarakat lebih prihatin tentang jenayah terutama melibatkan kanak-kanak.

PDRM juga dari semasa ke semasa akan terus memperkasakan laman portal kanak-kanak hilang yang dikendalikan oleh PDRM (<https://knk2hilang.rmp.gov.my>) untuk penghebahan kes kanak-kanak hilang. Portal ini bertujuan untuk memudahkan lagi penyaluran maklumat kes kehilangan kepada orang ramai bagi mendapatkan bantuan atau maklumat di dalam usaha menyelamatkan kanak-kanak berkenaan.

Pada masa yang sama, data berkaitan laporan kehilangan kanak-kanak yang berumur bawah 12 tahun akan turut disebarluaskan melalui medium *National Urgent Response Alert (NUR Alert)* bagi mendapatkan bantuan orang ramai di dalam usaha mengesan keberadaan kanak-kanak tersebut. Maklumat kehilangan kanak-kanak berkenaan akan dikongsikan kepada beberapa agensi yang lain seperti pihak bank, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), penyedia perkhidmatan telekomunikasi (*service provider*) dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Medium *NUR Alert* ini adalah kerjasama antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Kebajikan dan Masyarakat (KPWKM).